



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

# **GARIS PANDUAN PENGURUSAN KESELAMATAN DI PUSAT JAGAAN BERDAFTAR**

**BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT  
2024**

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Pengurusan Keselamatan di Pusat Jagaan Berdaftar  
No. Dokumen : JKM/PU800/03/1/JLD 36  
No. Pindaan: 00  
Tarikh Berkuat Kuasa: 15 / 7 / 2024

## KANDUNGAN

1.	PENGENALAN	2
2.	LATAR BELAKANG	2
3.	OBJEKTIF	3
4.	PUNCA KUASA/ UNDANG-UNDANG BERKAITAN	3
5.	TUJUAN	4
6.	SKOP	4
7.	KAEDAH PELAKSANAAN	5
7.1	Pemantauan Dan Kawalan Pengendali Terhadap Pengoperasian Pusat Jagaan	5
7.2	Penetapan Kursus Asas Pertolongan Cemas Dan Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) Kepada Penyelia/ Penjaga/ Pekerja Pusat Jagaan	6
7.3	Panduan Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Di Pusat Jagaan	6
7.4	Penetapan semakan melalui sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Daftar Kanak-Kanak (eDKK) bagi pengendali/ penyelia/ penjaga/ pekerja yang menguruskan kanak-kanak.	9
8.	PENUTUP	10

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Pengurusan Keselamatan di Pusat Jagaan Berdaftar  
No. Dokumen : JKM/PU800/03/1/JLD 36  
No. Pindaan: 00  
Tarikh Berkuat Kuasa: 15 / 7 / 2024

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Pusat jagaan ditubuhkan bagi memberi jagaan kepada kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU), wanita, warga emas dan lain-lain kumpulan sasar. Pematuhan terhadap aspek keselamatan merupakan antara syarat utama yang perlu dipenuhi oleh sebuah pusat jagaan sebelum ia berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506].
- 1.2 Pengurusan keselamatan oleh pusat jagaan adalah amat penting bagi mengelakkan risiko pengabaian, kecederaan atau kehilangan nyawa penghuni/ orang yang diterima untuk jagaan.
- 1.3 Garis Panduan ini berhasrat memberi panduan tatacara pengurusan keselamatan kepada pengendali pusat jagaan berdaftar dalam meningkatkan persekitaran yang selamat untuk penghuni/orang yang diterima untuk jagaan.
- 1.4 Pelaksanaan Garis Panduan ini adalah sebagai syarat untuk dikenakan bagi pendaftaran pusat jagaan selaras dengan peruntukan seksyen 7 Akta 506.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengeluarkan pelbagai pekeliling, garis panduan dan arahan bagi memastikan pusat jagaan berdaftar memenuhi standard minimum yang ditetapkan sebagaimana peruntukan-peruntukan Akta 506 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.
- 2.2 Bersesuaian dengan keperluan semasa, semakan dan penambahbaikan terhadap pekeliling, garis panduan serta arahan

## Jabatan Kebajikan Masyarakat

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Pengurusan Keselamatan di Pusat Jagaan Berdaftar  
No. Dokumen : JKM/PU800/03/1/JLD 36  
No. Pindaan: 00  
Tarikh Berkuat Kuasa: 15 / 7 / 2024

dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memastikan pusat jagaan berdaftar dapat memainkan peranan yang lebih baik dalam memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasar.

### 3. OBJEKTIF

- 3.1 Mewujudkan garis panduan khusus kepada pengendali pusat jagaan untuk meningkatkan keselamatan bagi penghuni/ orang yang diterima untuk jagaan.
- 3.2 Mewujudkan piawaian standard terhadap semua aspek keselamatan di pusat jagaan; dan
- 3.3 Mewujudkan dasar dan prosedur yang terpakai kepada semua urusan berkaitan dengannya.

### 4. PUNCA KUASA/ UNDANG-UNDANG BERKAITAN

- 4.1 Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]
- 4.2 Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994;
- 4.3 Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan (Pengkompaunan Kesalahan) 2011
- 4.4 Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611];
- 4.5 Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]
- 4.6 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792]; dan
- 4.7 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709].

## Jabatan Kebajikan Masyarakat

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Pengurusan Keselamatan di Pusat Jagaan Berdaftar  
No. Dokumen : JKM/PU800/03/1/JLD 36  
No. Pindaan: 00  
Tarikh Berkuat Kuasa: 15 / 7 / 2024

## 5. TUJUAN

Garis Panduan ini adalah untuk pengendali pusat jagaan:

- 5.1 Mencegah sebarang kemungkinan berlaku bahaya dan kecederaan kepada penghuni/orang yang diterima untuk jagaan;
- 5.2 Mencegah sebarang perbuatan berunsur pengabaian atau penderaan;
- 5.3 Mengambil tindakan segera jika terdapat perkara mencurigakan/membahayakan;
- 5.4 Menyediakan maklumat pembuktian dan dokumen sokongan bagi sebarang siasatan sama ada dalaman pusat jagaan atau pihak pemegang taruh yang lain; dan
- 5.5 Memantau pengoperasian pusat jagaan.

## 6. SKOP

Garis Panduan ini akan memberi fokus kepada empat (4) perkara berikut:

- 6.1 Pemantauan dan kawalan pengendali terhadap pengoperasian pusat jagaan;
- 6.2 Penetapan Kursus Asas Pertolongan Cemas dan Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) kepada penyelia/ penjaga/ pekerja di pusat jagaan; dan
- 6.3 Penetapan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di pusat jagaan.

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Pengurusan Keselamatan di Pusat Jagaan Berdaftar  
No. Dokumen : JKM/PU800/03/1/JLD 36  
No. Pindaan: 00  
Tarikh Berkuat Kuasa: 15 / 7 / 2024

- 6.4 Penetapan semakan melalui sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Daftar Kanak-Kanak (eDKK) bagi pengendali/ penyelia/ penjaga/ pekerja yang menguruskan kanak-kanak.

## 7. KAEDAH PELAKSANAAN

### 7.1 Pemantauan Dan Kawalan Pengendali Terhadap Pengoperasian Pusat Jagaan

- 7.1.1 Setiap pusat jagaan hendaklah mempunyai Log Pemeriksaan Pengurusan Pusat Jagaan;
- 7.1.2 Pengendali hendaklah membuat pemantauan terhadap pengoperasian pusat jagaan yang merangkumi aspek keselamatan, kesihatan, kebersihan, pemakanan dan kakitangan;
- 7.1.3 Pengendali yang bukan merupakan penyelia hendaklah hadir dan memantau pengoperasian pusat jagaan sekurang-kurangnya sekali seminggu dan merekodkan kehadiran di dalam log tersebut;
- 7.1.4 Pengendali hendaklah memastikan semua standard minimum pengoperasian pusat jagaan dipatuhi pada setiap masa; dan
- 7.1.5 Pengendali hendaklah memantau tatakelakuan penyelia/ penjaga/ pekerja dalam memastikan kesediaan fizikal dan mental mereka dalam tahap yang memuaskan pada setiap masa. Perkara ini boleh dipantau berdasarkan pemerhatian serta maklum balas atau aduan yang diterima. Penyelia/

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Pengurusan Keselamatan di Pusat Jagaan Berdaftar  
No. Dokumen : JKM/PU800/03/1/JLD 36  
No. Pindaan: 00  
Tarikh Berkuat Kuasa: 15 / 7 / 2024

penjaga/ pekerja yang dikenal pasti mempunyai masalah kesihatan mental perlu dirujuk segera kepada pegawai perubatan atau pakar psikiatri untuk tindakan selanjutnya.

**7.2 Penetapan Kursus Asas Pertolongan Cemas Dan Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) Kepada Penyelia/ Penjaga/ Pekerja Pusat Jagaan**

- 7.2.1 Sebagai langkah membantu penghuni/ orang yang diterima untuk jagaan yang terlibat dengan insiden kecederaan atau kecemasan seperti tercekik, melecur, sawan atau gangguan pernafasan, pengendali hendaklah memastikan sekurang-kurangnya salah seorang penyelia/ penjaga/ pekerja yang bekerja di pusat jagaan mempunyai sijil Kursus Asas Pertolongan Cemas dan Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) pada setiap masa.
- 7.2.2 Langkah ini akan dapat membantu menghentikan kecederaan atau insiden kecil daripada menjadi lebih buruk dan dalam kes kecemasan perubatan, kemahiran ini mungkin dapat menyelamatkan nyawa.
- 7.2.3 Pengendali hendaklah memastikan peti pertolongan cemas sentiasa disenggara supaya boleh digunakan pada bila-bila masa yang diperlukan.

**7.3 Penetapan Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Di Pusat Jagaan**

- 7.3.1 Pengendali hendaklah mematuhi perkara berikut:

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Pengurusan Keselamatan di Pusat Jagaan Berdaftar  
No. Dokumen : JKM/PU800/03/1/JLD 36  
No. Pindaan: 00  
Tarikh Berkuat Kuasa: 15 / 7 / 2024

- a) CCTV yang dipasang hendaklah mempunyai kualiti minimum resolusi/ piksel sekurang-kurangnya 1080pHD dan mestilah menghasilkan kualiti cerapan imej yang jelas, tepat serta boleh:
  - i. Menggambarkan ciri-ciri muka dan rupa fizikal individu dengan tidak kabur serta perincian lain seperti warna pakaian; dan
  - ii. Menggambarkan objek persekitaran dengan terperinci.
- b) CCTV yang dipasang hendaklah merakamkan kesemua ruang-ruang berikut:
  - i. Ruang aktiviti
  - ii. Ruang makan
  - iii. Ruang rehat
  - iv. Ruang dapur/ pantry
  - v. Bilik sakit
  - vi. Ruang beranda di hadapan premis; dan
  - vii. Ruang lain yang difikirkan wajar atas arahan Pegawai Diberi Kuasa
- c) Tiada titik buta (*blind spot*) di kawasan liputan CCTV;
- d) CCTV hendaklah berfungsi sepanjang tempoh pusat jagaan beroperasi;
- e) Pengendali pusat jagaan hendaklah mempamerkan papan tanda/ notis yang bertulis “Kawasan ini diawasi oleh CCTV” beserta logo yang bersesuaian. Ia

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Pengurusan Keselamatan di Pusat Jagaan Berdaftar  
No. Dokumen : JKM/PU800/03/1/JLD 36  
No. Pindaan: 00  
Tarikh Berkuat Kuasa: 15 / 7 / 2024

hendaklah menggunakan huruf yang terang dan senang dibaca;

- f) Kata laluan bagi mengakses rekod CCTV hendaklah dikawal dan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi;
- g) CCTV juga hendaklah diletakkan di mana jarak antara satu kamera ke kamera lain perlu ada “clear line of sight” bagi mengelak dirosakkan oleh mana-mana pihak;
- h) Rekod rakaman CCTV perlu dikemukakan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sekiranya berlaku apa-apa insiden yang menjelaskan keselamatan penghuni/orang yang diterima dalam jagaan;
- i) Keupayaan membuat salinan/ muat turun segmen rakaman imej di dalam format asal dan diubah ke format yang boleh dibaca melalui mana-mana pemain media dan disimpan di media simpanan yang tidak boleh diubah dan mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti *watermark* atau tandatangan digital;
- j) Sekiranya berlaku apa-apa insiden atau aduan yang melibatkan penghuni/ orang yang diterima dalam jagaan, ibu bapa/ penjaga/ waris boleh memohon kepada pengendali untuk melihat rakaman CCTV.
- k) Pengendali/ Penyelia hendaklah membuat semakan rakaman CCTV sekurang-kurangnya dua (2) kali seminggu bagi mengesan sebarang kejadian yang mencurigakan yang berlaku di premis tersebut. Semakan

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Pengurusan Keselamatan di Pusat Jagaan Berdaftar  
No. Dokumen : JKM/PU800/03/1/JLD 36  
No. Pindaan: 00  
Tarikh Berkuat Kuasa: 15 / 7 / 2024

rakaman hendaklah direkodkan di dalam Log Pemantauan CCTV. Penyelia pusat jagaan hendaklah memaklumkan serta merta kepada pengendali jika terdapat sebarang kejadian yang mencurigakan dan hendaklah direkodkan dalam Log Pemantauan CCTV;

- I) Penyelenggaraan CCTV hendaklah dilakukan secara berjadual dan direkodkan dalam Log Pemantauan CCTV; dan
- m) Rakaman CCTV hanya boleh disalin bagi tujuan siasatan oleh pihak PDRM atau JKM sahaja.

**7.4 Penetapan semakan melalui sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Daftar Kanak-Kanak (eDKK) bagi pengendali/ penyelia/ penjaga/ pekerja yang menguruskan kanak-kanak.**

- 7.4.1 Pengendali perlu membuat semakan melalui sistem eDKK bagi memastikan individu yang diambil bekerja bagi menguruskan kanak-kanak bebas dari rekod jenayah seksual terhadap kanak-kanak.
- 7.4.2 Semakan melalui sistem eDKK bertujuan meningkatkan perlindungan terhadap keselamatan kanak-kanak selain mencegah/mengekang jenayah seksual terhadap kanak-kanak.
- 7.4.3 Keputusan semakan hendaklah disimpan oleh pengendali dan dikemukakan kepada Pegawai Diberi Kuasa (PDBK) Pusat Jagaan apabila diminta.

**Jabatan Kebajikan Masyarakat**

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Pengurusan Keselamatan di Pusat Jagaan Berdaftar  
No. Dokumen : JKM/PU800/03/1/JLD 36  
No. Pindaan: 00  
Tarikh Berkuat Kuasa: 15 / 7 / 2024

**8. PENUTUP**

Garis panduan ini diwujudkan bagi memastikan aspek keselamatan penghuni/orang yang diterima untuk jagaan di pusat jagaan sentiasa dititik beratkan oleh pengendali pusat jagaan berdaftar selaras dengan kehendak Akta 506 dalam memastikan kesejahteraan dan kebijakan penghuni/orang yang diterima untuk jagaan sentiasa diutamakan.